



## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	4/11/2019	MUKA SURAT	: 12
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		

# Kulit kepala rimau dalam rumah

## Penjawat awam ditahan miliki organ haiwan diindungi dalam serbuan ke atas sebuah kediaman

Oleh Siti Nor Hidayatidayu Razali  
sitiyor@hmetro.com.my

**Kota Bharu**

Seorang penjawat awam ditahan polis bersama kulit dan organ harimau belang dalam serbuan di sebuah rumah di Bukit Perol, Nilam Puri di sini,

kelmarin.

Lelaki berusia 52 tahun ditahan menurusi Operasi Khazanah yang dijalankan Polis Diraja Malaysia jam 12.30 tengah malam.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Hasanuddin Hassan berkata, dalam operasi itu polis menemui kulit kepala harimau belang yang dikeringkan, satu kuku harimau, dua

gigi taring dan sekeping kulit harimau dalam rumah itu.

Katanya, organ itu diperolehi daripada seekor harimau belang yang mati dan dipercayai untuk kegunaan sendiri.

"Penjawat awam terbabit ditahan untuk siasatan lanjut mengikut Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010



GIGI taring, kuku dan kulit kepala harimau belang yang dirampas daripada penjawat awam.

dan jika sabit kesalahan boleh didenda tidak kurang RM100,000 atau penjara atau kedua-duanya.

"Serbuan itu dijalankan hasil maklumat awam dan risikan polis," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kelantan di sini, semalam.

Terdahulu Hasanuddin melaksanakan Majlis Serah Terima Tugas Ketua Cawangan Khas dari-pada Asisten Komisio-

ner Daud Omar kepada Asisten Komisiner, Jaluddin Hamid dan Ketua Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Kelantan daripada pemangkuannya. Deputy Superintendan Wan Zulfikri Wan Othman kepada Superintendan Mohd Zamri Mohd Rowi.

Pada perkembangan sama, Hasanuddin berkata, polis menahan dua lelaki ditempatkan di Pasir Mas dan Tumpat 26 Oktober lalu

**Organ daripada seekor harimau belang yang mati disyaki untuk kegunaan sendiri**

"jangan nodai khazanah alam dan sama-sama menjaganya. Setakat ini kegiatan pemburu harimau di Kelantan terkawal dan ia adalah kes terpenclil," katanya.